

<b>Headline</b>	Kolej dalam hutan		
<b>MediaTitle</b>	Berita Minggu		
<b>Date</b>	09 Jun 2013	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	Supplement	<b>Circulation</b>	297,950
<b>Page No</b>	9	<b>Readership</b>	2,476,000
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	706 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	Farah Marshita Abdul Patah	<b>AdValue</b>	RM 23,902
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 71,706



# Kolej dalam 'hutan'

» **Lebih 1,000 pokok ditanam** wujud persekitaran hijau, segar dan damai di TKC

Oleh Farah Marshita

Abdul Patah

farahmarshita@mediaprima.com.my

Berlatarbelakangkan kehijauan hutan, ditemani lembut aliran air sungai, Taman Kolej Tunku Kurshiah (TKC) pasti memberikan salam damai kepada sesiapa saja.

Menyusuri taman itu umpama menerokai khazanah alam semula jadi yang terpelihara indah, sambil menghirup udara segar dan merasai suasana tenang tanpa pencemaran.

Begitulah suatu hari nanti apabila pokok yang baru ditanam di TKC ini membesar dan menghijau seterusnya memberikan landskap baru kepada penghuni kolej ini.

Berkeluasan 17.2 hektar, Taman TKC adalah berkonsepkan hutan hujan tropika yang pertama diwujudkan dalam kawasan sekolah.

Ketika ini lebih 500 pelbagai jenis pokok hutan tropika ditanam oleh pelajar, tenaga pengajar dan kakitangan kolej ini. TKC menyasarkan 1,000 pokok ditanam bagi mewujudkan kolej ini seolah-olah berada dalam taman yang

segar dan indah.

Pengetuannya, Che Kamaliah Endud, berkata sebanyak RM500,000 diperuntukkan bagi mewujudkan taman TKC di sekitar kawasan seko-lah yang terletak di Bandar Enstek, Labu, Negeri Sembilan.

Beliau berkata, tujuan utama taman TKC diwujudkan bagi memastikan kelangsungan ilmu di kala-nan pelajar sekolah berke-naan.

Katanya, kajian menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran yang kondusiif dan berkualiti mampu mempercepatkan proses pemindahan maklumat serta meningkatkan prestasi pelajar.

## Khazanah bumi

Idea untuk mewujudkan taman ini diilhamkan dari Malborough College, England iaitu sekolah kepada Duchess of Cambridge, Kate Middleton.

"Diharap dengan wujudnya taman ini, TKC akan terus mengukir sejarah pendidikan

negara dengan pencapaian cemerlang pelajarnya saban tahun," kata Che Kamaliah.

Taman TKC ditanam dengan pelbagai warisan khazanah bumi antaranya spesies pokok kelat paya, kayu manis hutan dan borneo rhu bagi menghasilkan hutan dipterokrap (bertingkat), manakala spesies damar minyak, cengal hutan dan meranti tembaga di kawan-san rendah serta berdekatan aliran air bagi mewujudkan hutan bukan dipterokrap.

## Nikmati hasil bumi

Malah, buah-buahan ber-musim dan tidak bermusim termasuk buah mulberi yang jarang ditemui turut ditanam di situ bagi membolehkan pelajar berkongsi serta menikmati hasil bumi.

Sementara itu, pengarah serta arkitek taman TKC, Fauziah Sanad, berkata taman itu diharap dapat menjadi tarikan kepada pelajar untuk menjadikan sekolah berkenaan sebagai pilihan utama dalam menimba ilmu.

Katanya, kerjasama yang diterima daripada pelbagai syarikat swasta serta agensi kerajaan termasuk Morphosis Design Sdn Bhd, Jabatan Perhutanan; Institut Penye-lidikan Perhutanan Malaysia (FRIM); Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan merealisasi taman ini.

"Sebenarnya, ramai yang tidak menyangka idea untuk mewujudkan taman hujan hutan tropika berjaya direali-sasikan oleh TKC. Taman ini sesuai untuk kegiatan riadah pelajar bersama keluarga terutama apabila ibu bapa datang menziarahi anak-anak mereka pada hujung minggu."

"Selain menjadi tumpuan beriadah bersama keluarga dan rakan-rakan, pelajar ke taman itu boleh menambah ilmu pengetahuan mereka dengan mengenali warisan pertanian dan khazanah alam semula jadi negara," katanya.

<b>Headline</b>	<b>Kolej dalam hutan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Minggu</b>		
<b>Date</b>	<b>09 Jun 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>	<b>Circulation</b>	<b>297,950</b>
<b>Page No</b>	<b>9</b>	<b>Readership</b>	<b>2,476,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>706 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>Farah Marshita Abdul Patah</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 23,902</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 71,706</b>

**“**

**DIHARAP DENGAN WUJUDNYA TAMAN INI, TKC AKAN TERUS MENGUKIR SEJARAH PENDIDIKAN NEGARA DENGAN PENCAPAIAN CEMERLANG PELAJARNYA SABAN TAHUN”**

**Che Kamaliah Endud,**  
Pengetua



**INFO TAMAN TKC**

- ◎ **17.2**  
**HEKTAR**  
Keluasan  
Taman Kolej  
Tunku Kurshiah
- ◎ **1,000**  
Jumlah pokok  
yang disasarkan
- ◎ **500**  
Jumlah pokok  
sudah ditanam
- ◎ **RM500**  
**RIBU**  
Kos diperuntukkan  
mewujudkan  
taman TKC

<b>Headline</b>	Kolej dalam hutan		
<b>MediaTitle</b>	Berita Minggu		
<b>Date</b>	09 Jun 2013	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	Supplement	<b>Circulation</b>	297,950
<b>Page No</b>	9	<b>Readership</b>	2,476,000
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	706 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	Farah Marshita Abdul Patah	<b>AdValue</b>	RM 23,902
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 71,706



Pelajar **tidak melepaskan peluang** melihat hasil tanaman di Taman Kolej Tunku Kurshiah, Nilai.



Dari kiri Nur Ain Zulaikah, Nur Diyana Yazeera, Intan Sofea dan Mirza Amani **menanam pokok** di Taman Kolej Tunku Kurshiah

INFO TAMAN TKC